

RMK12: Bangunkan sektor biojisim

PETALING JAYA: Sektor biojisim negara perlu dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi mengurangkan pencemaran dengan pelaksanaan sasaran sifar sisa.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S. Piarapakaran berkata, halatuju tenaga boleh diperbaharui untuk Malaysia pada dasarnya dicemari dengan politik pejabat dan gagal mewujudkan sektor biojisim yang lebih baik sejak sedekad yang lalu.

“Sebagai permulaan, kerajaan mesti meneliti semua input biojisim dari pelbagai aktiviti yang mesti dikenal pasti dan dinilai. Cadangan untuk insentif bagi mengurangkan masalah logistik di sektor biojisim mesti berdasarkan *output*.”

“Memandangkan input biojisim adalah berbeza disebabkan oleh aliran sisa yang berbeza, ia adalah penting untuk membangunkan kepakaran tempatan dan teknologi pemrosesan.

“Pembangunan campuran tenaga biojisim yang terjamin memerlukan anjakan paradigma besar untuk menangani faktor beban serta masalah kecekapan penjana yang secara langsung berkaitan dengan penstabilan nilai kalori *input* biojisim,” katanya dalam kenyataan.

Selain itu, ujarnya, peraturan kecekapan tenaga bagi bangunan yang baharu juga mesti dibangunkan dan dikuatkuasakan serta menambah baik bangunan yang sedia ada.

Jelas beliau, peraturan tersebut mesti membantu menambah baik Sistem Pemanasan, Pengudaraan dan Penyamanan Udara (HVAC), bahan dan reka bentuk bangunan, bahan penebat dan aplikasi lain yang sedang muncul.

Menurut beliau, tempoh peralihan, penguatkuasaan dan garis panduan yang bersesuaian merangkumi pelbagai operasi atau fungsi bangunan juga mesti dibangunkan. Peraturan tersebut mesti mempunyai tempoh kaji semula setiap lima tahun untuk memastikan negara mengikuti teknologi terbaharu yang sedia ada.